

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 14 MAC 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 6

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1531-MQT2643
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah Projek Landasan Berkembar Gemas-Johor Bahru akan disiapkan sepenuhnya dan apakah Kerajaan bersedia memperkenalkan perkhidmatan Komuter Elektrik antara Bandar Kluang ke Johor Bahru sebagai langkah penambahbaikan rangkaian pengangkutan awam di Johor.
2. PR-1531-MQT2655
Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil susulan pembongkaran terdapatnya kurma berasal dari Israel yang dibawa masuk ke Malaysia, yang jelas bertentangan dengan pendirian negara memboikot produk serta sekatan perdagangan dan ekonomi dengan negara haram tersebut.
3. PR-1531-MQT2633
Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-
 - (a) tujuan penganjuran serta status pelaksanaan program Semarak Kampus MADANI setakat hari ini; dan
 - (b) sejauh manakah kepentingan program tersebut mampu untuk memberi manfaat kepada semua pemegang taruh yang terlibat, terutamanya mahasiswa.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 14 MAC 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 12

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1531-L23682

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah harga daging ayam naik mendadak atau menghadapi kekurangan bekalan di pasaran selepas pemansuhan subsidi dan kawalan harga. Adakah subsidi telur grade A, B dan C akan diteruskan, nyatakan sebab-sebab.

2. PR-1531-L24026

Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tindakan yang telah atau yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah pembaikan jalan raya iaitu turapan bukan tampalan yang berlaku di seluruh Malaysia.

3. PR-1531-L23327

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) jumlah keseluruhan miskin tegar di Malaysia dan lapan daerah di Sabah dikategorikan termiskin di Malaysia setakat Januari 2024 berbanding Januari 2023; dan
- (b) inisiatif serta bantuan yang diberikan kepada mereka dan program-program ini akan dipantau sehingga golongan ini berjaya keluar daripada julat pendapatan miskin tegar.

4. PR-1531-L24076

Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah kejayaan Kementerian mengurangkan kebergantungan remaja atau pelajar kepada rokok termasuk *vape*; dan
- (b) sejauh manakah industri rokok menghalang hasrat Kerajaan meminimumkan *first smoke* atau pendedahan rokok terawal di kalangan pelajar sekolah.

5. PR-1531-L24176

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berapakah jumlah sasaran pelancong luar negara untuk berkunjung ke dalam negara Malaysia, jumlah pendapatan disasarkan sempena kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026) serta tindakan dan strategi Kementerian dalam menjayakan kempen tersebut.

6. PR-1531-L24112

Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-

- (a) berapa banyak pembiayaan yang telah dikeluarkan dan berapa syarikat atau pengusaha yang terlibat dan jenis tanaman yang diusahakan serta keluasannya di bawah Projek Forest Plantation; dan
- (b) kejayaan serta pembayaran balik pinjaman.

7. PR-1531-L23534

Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa jumlah projek Kerajaan Persekutuan dan negeri yg dikendalikan oleh KKR mahupun JKR pada tahun 2023 dan 2024 serta nyatakan nilainya dan berapa projek yang berjaya diselesaikan mengikut jadual dan berapa yang sakit bagi tahun 2022 dan 2023.

8. PR-1531-L23911

Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status terkini kerja fizikal penyambungan bekalan air terawat ke kawasan Ulu Roban, Mudong Ibus, Brayang dan Ulu Sebetan.

9. PR-1531-L23824
Datuk Wetrom bin Bahanda [Kota Marudu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah pihak Kementerian mempunyai pelan jangka panjang dan pelan jangka pendek membantu mempertingkatkan hasil tanaman kontan di kawasan Kota Marudu. Fasilitas asas seperti tali air yang tidak dibaik pulih dan diselenggara antara lain menyukarkan petani-petani dan menyebabkan tanah tidak dapat diusahakan.
10. PR-1531-L24072
Tuan Wan Razali bin Wan Nor [Kuantan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mengkaji had umur bagi kelayakan manfaat pencarum PERKESO yang kini terhad sehingga 60 tahun dinaikkan kepada had umur yang lebih lanjut contohnya kepada 70 tahun.
11. PR-1531-L23589
Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan rasional cadangan Kerajaan untuk membenarkan graduan asing untuk bekerja dalam bidang-bidang tertentu terutamanya bagi sektor teknologi tinggi di dalam negara walhal ramai graduan tempatan lulusan kejuruteraan yang tidak mendapat peluang pekerjaan.
12. PR-1531-L23849
Dr. Ahmad Fakhrudin bin Fakhrurazi [Kuala Kedah] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan impak langsung daripada skim Pemulihan Sektor Pelancongan yang memperuntukkan sejumlah RM1.16 billion dalam tempoh pasca pandemik COVID-19, khususnya bagi Geran Padanan Galakan Melancong (GAMELAN) dan Program Merakytakan Seni Budaya dan Warisan .
13. PR-1531-L22984
Puan Young Syefura binti Othman [Bentong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah ada langkah untuk mengkaji semula kadar bayaran yang dikenakan oleh klinik, hospital dan fasiliti kesihatan awam untuk menampung perbelanjaan kesihatan awam yang tinggi agar mutu perkhidmatan kesihatan awam dapat ditingkatkan.
14. PR-1531-L24049
Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
(a) jumlah syarikat yang mendapat permit untuk mendapatkan pekerja warga asing dan sektor-sektor yang terlibat; dan

- (b) garis panduan penyerahan pekerja kepada syarikat yang memohon pekerja warga asing.
15. PR-1531-L23350
Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk memperkenalkan garisan jalan "bercahaya dalam gelap" atau "*glow in the dark*" seperti yang dilaksanakan di Semenyih bagi mengatasi masalah kerosakan lampu jalan yang kerap berlaku di sekitar jalan-jalan di Sandakan.
16. PR-1531-L24192
Tuan Roslan bin Hashim [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sama ada pihak Kerajaan masih bercadang untuk terus menjalankan tinjauan atau banci tradisional secara berkala bagi mendapatkan maklumat statistik dalam kalangan orang awam mengambil kira kewujudan Sistem Pangkalan Data Utama (PADU).
17. PR-1531-L23254
Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan hasil dan prestasi pelaksanaan Program Geran Empower Trade Association (ETA Grant) yang bertujuan memperkasa aktiviti promosi eksport serta meneroka pasaran eksport yang berpotensi. Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk mengaktifkan semula program ini.
18. PR-1531-L23402
Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kadar keperluan pekerja mahir berbanding jumlah graduan lepasan tertier dalam sektor teknologi tinggi.
19. PR-1531-L22962
Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keanggotaan Majlis Perubatan Malaysia:-
- (a) apakah sebabnya KKM tidak mempunyai bilangan wakil yang setimpal dengan status pembekal perkhidmatan kesihatan terbesar di Malaysia; dan
- (b) mengapa KKM tidak ditauliahkan sebagai pembekal latihan dan pengiktirafan agar dapat menganjurkan Parallel Pathway Programme.

20. PR-1531-L23991
Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berkaitan status naik taraf jalan utama Klang - Banting - Sepang FT5, FT 31 dan FT32 yang semakin teruk dan berlubang, adakah masalah ini dimasukkan dalam Anggaran Penyelenggaraan Jalan (APJ) Tahun 2024.
21. PR-1531-L23694
Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah status terkini penggubalan Rang Undang-Undang Benih Tanaman dan bila ianya akan dibentangkan. Adakah pihak Kerajaan telah pun mempertimbangkan tuntutan para petani agar membenarkan amalan warisan mereka yang bebas menyimpan, mengguna semula, menukar dan menjual benih sendiri.
22. PR-1531-L23958
Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status terkini kemajuan projek naik taraf Skim Pengairan Bukit Sena, Kampung Bukit Sena, Padang Terap.
23. PR-1531-L24267
Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan tentang kelayakan anak-anak di bawah Program Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H) untuk belajar di sekolah awam.
24. PR-1531-L23725
Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan Parlimen Kudat menduduki tangga teratas dalam penyakit bawaan vektor virus malaria. Mohon Kementerian menyatakan jumlah peruntukan lebih besar untuk kawalan malaria di Parlimen Kudat demi kesihatan dan kesejahteraan masyarakat di Parlimen Kudat.
25. PR-1531-L23120
Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-
- (a) statistik jumlah terkini pendaftaran PADU dan adakah ianya mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh Kerajaan; dan
 - (b) apakah halangan yang dihadapi Kerajaan sekiranya tidak dapat mencapai sasaran pendaftaran PADU.

26. PR-1531-L23948

Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah inisiatif Kementerian untuk menghasilkan benih padi sendiri bagi mengelak pengimportan benih padi dari negara luar dan sejauh mana keberhasilan inisiatif penghasilan benih padi tempatan.

27. PR-1531-L23359

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perincian pelan strategik pendigitalan KKM, skop kerja, mekanisme, jangka masa, dan kos keseluruhan pelan ini.

28. PR-1531-L23912

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah pihak Kementerian bercadang untuk menstruktur semula peranan atau menswastakan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) agar usaha pendigitalan perkhidmatan ladang oleh usahawan tani muda di samping mengawal penguasaan orang tengah dalam pasaran.

29. PR-1531-L23568

Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian bagi mengurangkan kadar migrasi golongan muda daripada luar bandar ke bandar dan adakah terdapat pola penurunan migrasi dalam tempoh beberapa tahun ini.

30. PR-1531-L23141

Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan jumlah pendaftaran dalam sistem PADU sehingga 15 Feb 2024 dan sama ada keengganan pendaftaran oleh rakyat akan memberi kesan kepada rancangan rasionalisasi subsidi.

31. PR-1531-L23025

Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bagi memastikan projek-projek pembangunan di daerah dirancang dan dibangunkan dengan cepat, baik dan mengikut keperluan sebenar rakyat setempat, adakah Kementerian bercadang untuk mewajibkan pengesahan Ahli Parlimen di peringkat Unit Perancangan Negeri sebelum ianya diangkat sebagai senarai keutamaan ke peringkat pusat untuk pertimbangan kelulusan.

32. PR-1531-L23320

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) sehingga kini, berapakah jumlah rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas telah mendaftar dengan PADU (Pangkalan Data Utama) dan apakah faktor-faktor yang menyebabkan ramai rakyat Malaysia tidak berminat untuk mendaftar; dan
- (b) mengapakah angka sasaran bagi pendaftaran yang disebut berbeza-beza. Antaranya angka 29.8 juta, 27 juta dan 21.966 juta.

33. PR-1531-L23761

Tuan Edwin anak Banta [Selangau] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bantuan yang lebih kreatif dan inovatif untuk memasarkan hasil tanaman petani Bumiputera.

34. PR-1531-L24135

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha Kementerian untuk mengatasi masalah lambakan pendatang asing di Malaysia serta usaha jangka pendek dan jangka panjang Kementerian.

35. PR-1531-L23015

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan yang perlu ditanggung untuk diperuntukkan kepada pendatang asing tanpa izin (PATI) dalam perkhidmatan awam kesihatan.

36. PR-1531-L23833

Tuan Haji Mohd Syahir bin Che Sulaiman [Bachok] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan kesiapsiagaan sistem PADU ke arah pelaksanaan subsidi bersasar dan mekanisme penyaluran bantuan yang inklusif bagi mencapai objektif yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan.

37. PR-1531-L24087

Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah seseorang pegawai dan kakitangan kesihatan yang dikehendaki bertugas lebih masa layak dibayar elaun setimpal dengan waktu bekerja lebih masa tersebut atau sebenarnya mempunyai had tuntutan elaun bekerja lebih masa dalam tempoh satu bulan.

38. PR-1531-L22978

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan cadangan dasar insuran kesihatan yang lebih komprehensif seperti Program Transformasi Kesihatan yang dilaksanakan di Turkiye bagi mengurangkan tanggungan Kerajaan di samping beban kerja petugas kesihatan.

39. PR-1531-L24051

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

(a) jumlah doktor kontrak yang diambil pada tahun 2022 dan 2023 dan berapa yang telah diserap sebagai perjawatan tetap; dan

(b) berapa nisbah jumlah doktor:rakyat ketimbang nisbah standard peringkat dunia.

40. PR-1531-L23747

Datuk Willie anak Mongin [Puncak Borneo] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah-langkah terkini yang diambil oleh Kementerian bagi membantu operator-operator inap desa atau lebih dikenali sebagai *homestay* terutamanya di dalam Parlimen Puncak Borneo dan juga usaha-usaha Kerajaan dalam mempromosikan industri ini di mata dunia.

41. PR-1531-L24000

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan perancangan memperkasakan usahawan koko tempatan bagi mengisi kelompangan yang ditinggalkan syarikat-syarikat produk coklat antarabangsa hasil keberkesanan kempen boikot produk Israel.

42. PR-1531-L23186

Datuk Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bilakah Projek Naik Taraf jalan Miruru, Ranau (yang telah disenaraikan dalam Rolling Plan Kedua (RP2), 2022 - 2023 di bawah RMK-12, 2021 - 2025) akan diberikan kelulusan pembinaannya kerana projek ini juga telah di-*endorsed* oleh pihak Kerajaan Negeri Sabah untuk meminta diberikan kelulusan pembinaannya.

43. PR-1531-L24151

Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini proses integrasi dan kerjasama di antara sektor awam, swasta dan sektor tidak berasaskan keuntungan agar institusi kesihatan di Malaysia tidak lagi disifatkan sebagai dikotomi (pemisahan).

44. PR-1531-L23714

Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan kemudahan jalan ladang bagi kemudahan pekebun sawit dan getah yang telah disalurkan di Parlimen Kudat sepanjang tahun 2023.

45. PR-1531-L23421

Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [Merbok] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan pada tahun 2022, MOTAC telah membuat perancangan untuk melaksanakan program perintis Pemandu Pelancong Tapak Warisan dan telah memilih tapak arkeologi Sungai Batu, Lembah Bujang sebagai projek rintis untuk program ini, apakah kemajuan yang telah dicapai setakat ini.

46. PR-1531-L23828

Datuk Wetrom bin Bahanda [Kota Marudu] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah pihak Kementerian mempunyai perancangan pembangunan memperkenalkan seni budaya etnik-etnik di kawasan Kota Marudu yang tidak ada di tempat lain. Sesuai dengan perancangan Tahun Melawat Malaysia pada tahun 2026, seni dan budaya yang ada di kawasan Kota Marudu ini boleh digunakan untuk nilai tambah dalam menarik minat pelancong ke Malaysia.

47. PR-1531-L23677

Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan tindakan Kementerian membantu pesawah padi dalam sasaran meningkatkan Tahap Sara Diri (SSL) bagi bekalan beras, sedangkan harga lantai belian padi RM1,300 per tan adalah tidak mencukupi bagi menampung kos input tanaman yang semakin meningkat ketika ini.

48. PR-1531-L23955

Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha pihak Kementerian bagi menambah baik projek pengairan air ke sawah padi di Parlimen Padang Terap yang tidak memiliki sistem pengairan yang sistematik seperti Kampung Banggol Pong, Kampung Tong Pelu dan Kampung Pinang.

49. PR-1531-L23274

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana status penularan COVID-19 di Sarawak dan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk membendung penularan penyakit berkenaan yang semakin meningkat.

50. PR-1531-L24208

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha ke arah penggunaan teknologi *blockchain* bagi merencanakan sektor pertanian negara.

51. PR-1531-L23194

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah perancangan terkini pihak Kementerian terhadap penggunaan sistem PADU dalam pemberian subsidi bersasar berdasarkan jumlah pendaftaran terkini yang baru mencecah 2 Juta pendaftar (setakat Februari 2024).

52. PR-1531-L24103

Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-

- (a) berhubung dakwaan sebanyak satu juta tan getah import tidak dikenakan cukai, apakah implikasinya terhadap harga getah tempatan; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk mengenakan cukai yang lebih tinggi terhadap getah import.

53. PR-1531-L23996

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan perancangan mengetengahkan reputasi Malaysia sebagai destinasi pelancongan mesra Muslim di peringkat antarabangsa sebagai persediaan Tahun Melawat Malaysia 2026.

54. PR-1531-L23404
Tuan Zakri bin Hassan [Kangar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapa bilangan pam air untuk kegunaan pesawah-pesawah padi di negeri Perlis.
55. PR-1531-L22993
Puan Rodiyah binti Sapiee [Batang Sadong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan khas Kerajaan Pusat untuk meningkatkan penyediaan perkhidmatan dialisis khususnya di kawasan luar bandar Sarawak. .
56. PR-1531-L23925
Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauhmana Task Force Khas Bersepadu Penguatkuasaan Operasi Beras Putih (OP BPT) yang melibatkan Kawalselia Padi dan Beras (KPB) efektif dalam menyelesaikan isu kekurangan bekalan beras tempatan dalam pasaran.
57. PR-1531-L22955
Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status penyelesaian masalah Parallel Pathway Programme bagi menampung keperluan pakar-pakar perubatan, susulan daripada 100 pakar perubatan keluarga dan 4 pakar kardiotorasik Cawangan Pendaftaran Pakar telah ditolak perdaftarannya biarpun KKM kini kekurangan pakar kritikal.
58. PR-1531-L22862
Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah inisiatif serta usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi mengatasi isu berkaitan upah dan kebajikan pekerja gig.
59. PR-1531-L23580
Tuan Roy Angau anak Gingkoi [Lubok Antu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah terdapat rancangan untuk menaiktaraf jalan dan menyediakan lebih banyak lampu jalan di kawasan persimpangan masuk ke Pekan Engkelili yang kini menjadi laluan utama untuk kenderaan yang keluar masuk ke Lebuhraya Pan Borneo dan menjadi lokasi kerap berlaku kemalangan.

60. PR-1531-L23984
Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berkaitan status pembangunan Lebuhraya Pantai Barat (WCE), apakah ada perancangan jangka pendek untuk mengatasi kesesakan jalan FT 37 menghala ke Pekan Banting dan ke KLIA dan mengurangkan kemalangan yang semakin meningkat.
61. PR-1531-L24185
Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit yang menghidap Aids atau penyakit kelamin yang berpunca daripada kegiatan seks songsang dalam tempoh tiga tahun ini. Apakah langkah diambil Kementerian bagi mengurang dan memupuskan kes jangkitan penyakit akibat seks songsang ini.
62. PR-1531-L23556
Tuan Azli bin Yusof [Shah Alam] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini tentang cadangan pembinaan Lebuhraya Bertingkat Jalan Batu Tiga dari GCE ke Lebuhraya Persekutuan secara Private Funding Initiative (PFI) dan apakah langkah-langkah yang Kementerian lakukan untuk menyegerakannya.
63. PR-1531-L24156
Tuan Jamaludin bin Yahya [Pasir Salak] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimana Kementerian ingin mempertingkatkan peluang-peluang pekerjaan di Parlimen Pasir Salak.
64. PR-1531-L23933
Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bagaimana sistem PADU mengatasi kelemahan sistem-sistem yang sebelum ini serta kebolehcapaian PADU bagi penduduk luar bandar dan golongan rentan.
65. PR-1531-L23285
Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan status permohonan Lesen Pengilang (Federal Manufacturing License) Syarikat Esteel Enteprise Sabah Sdn Bhd yang berhasrat membuka operasi pengilangan dengan anggaran pelaburan sejumlah RM19 bilion di Sabah memandangkan permohonan FML bagi pelaburan berkaitan pembuatan besi ditangguhkan (moratorium) selama dua tahun bermula 17 Ogos 2023.

66. PR-1531-L24295
Tuan Hassan bin Saad [Baling] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan usaha Kerajaan bagi pelaksanaan mengumpul data PADU secara komprehensif terutamanya bagi kawasan luar bandar dan kawasan yang tiada akses internet.
67. PR-1531-L23184
Datuk Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bilakah Projek Naik Taraf Jalan Perancangan - Takutan - Nalumad, Ranau (yang telah disenaraikan dalam Rolling Plan Kedua (RP2), 2022 - 2023) di bawah RMK-12 (2021 - 2025) akan diberikan kelulusan untuk pembinaannya kerana sebelum ini pihak KKDW menyatakan hanya menunggu kelulusan dari pihak Kementerian.
68. PR-1531-L24109
Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan berapa peratus pencapaian Yayasan Peneraju dalam menguruskan kemahiran dan bakat profesional Bumiputera.
69. PR-1531-L23548
Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [Port Dickson] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah kaedah untuk memberhentikan masalah (Orang Asli) yang masih meneruskan pencerobohan penempatan dan pertanian di kawasan hutan simpanan di Negeri Sembilan, walaupun telah sedia maklum status tanah tersebut ialah Hutan Simpanan Kekal (HSK).
70. PR-1531-L23119
Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perkembangan terkini, hala tuju dan garis masa pelaksanaan Johor-Singapura Special Economic Zone.
71. PR-1531-L23940
Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah terdapat perancangan Kementerian dalam memartabatkan kebudayaan Malaysia berskala nasional untuk setiap negeri.
72. PR-1531-L23522
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimana dana pembangunan modal insan bernilai RM20 juta bagi industri maritim yang disediakan dalam Bajet 2024 akan dibelanjakan dan adakah usaha untuk menaik taraf pensijilan maritim ini supaya ianya diiktiraf sebagai latihan kemahiran TVET oleh KSM.

73. PR-1531-L23366

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk meningkatkan perkhidmatan perubatan dengan menaik taraf klinik-klinik desa kepada klinik kesihatan type 3 di Kawasan Parlimen Bukit Gantang seperti Klinik Desa Bukit Gantang dan Klinik Desa Air Putih bagi tujuan keselesaan penduduk mendapatkan perkhidmatan perubatan Kerajaan.

74. PR-1531-L24234

Dr. Radzi Jidin [Putrajaya] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pembinaan Klinik Kesihatan baharu di Presint 6, Putrajaya serta penambahbaikan kepada fasiliti dan bangunan Klinik Kesihatan Presint 11, Putrajaya.

75. PR-1531-L23452

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan asing yang dibawa keluar dari negara ini sepanjang 2023 dan apa puncanya.

76. PR-1531-L23255

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah Kerajaan telah menyediakan garis panduan kenaikan gaji tahunan untuk pendaftaran syarikat projek rintis, selaras dengan garis masa Kertas Putih Cadangan Dasar Gaji Progresif. Apakah rancangan bantuan untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PKMS) tanpa unit sumber manusia formal untuk terlibat dalam dasar tersebut.

77. PR-1531-L24255

Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawawi [Tumpat] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sama ada Kerajaan telah melaksanakan kajian terperinci secara mendalam dan mempunyai dasar dan halatuju jelas berhubung dengan ura-ura Thailand akan membuka "*land bridge*" atau projek terusan pintasan di Segenting Kra kerana ia akan memberi impak kepada Malaysia dalam pelbagai segi kehidupan dan ekonomi.

78. PR-1531-L23526

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan rancangan untuk memperkenalkan *floating holidays*, seperti yang dilaksanakan di pejabat United Nations dan disyorkan oleh Wisdom Foundation supaya golongan minoriti dapat menggantikan cuti am dengan hari perayaan agama dan kebudayaan masing-masing yang bukan cuti am di negeri mereka.

79. PR-1531-L23214

Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah tambahan yang bakal diambil oleh Kementerian untuk merencanakan lagi pendaftaran PADU, memandangkan pendaftarannya hanya mencapai 2.27juta pada 31 Januari 2024. Sama ada Kementerian bersedia melanjutkan tempoh pendaftaran yang dijadualkan berakhir pada 31 Mac 2024.

80. PR-1531-L24119

Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang status perolehan tanah untuk Pembangunan Klinik Sungai Udang, Melaka memandangkan ketika sesi sidang Dewan Rakyat tahun 2023 yang lalu dimaklumkan bahawa proses perolehan tanah ini akan dibuat dalam tahun 2023.

81. PR-1531-L23540

Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [Batang Lupa] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah perkembangan terkini projek pembinaan jalan Serandong/Perpat/Paloh/Batang Maro yang dijangka dapat ditender pada Disember 2023 dan adakah ianya dapat disiapkan menjelang tahun 2027 seperti yang dirancang.

82. PR-1531-L23469

Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching [Beaufort] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa jumlah pekerja yang berkerja dalam sektor GIG. Apakah usaha yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan dalam melindungi pekerja yang berada dalam sektor GIG dan bila akta khas melindungi pekerja sektor gig ini akan dapat dilaksanakan.

83. PR-1531-L24101

Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [Parit] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) jumlah pembinaan rumah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) sehingga kini di seluruh negara; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk menambahkan jumlah pembinaan rumah PPRT di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

84. PR-1531-L23306

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah ekonomi negara terkesan susulan serangan kumpulan pemberontak Houthi ke atas kapal-kapal komersial yang melalui Laut Merah. Bagaimana Kerajaan menjamin keselamatan kapal milik Malaysia yang melintasi Laut Merah.

85. PR-1531-L23599

Tuan Suhaizan bin Kaiat [Pulai] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk melebarkan Lebuhraya Senai - Desaru memandangkan banyak kemalangan telah berlaku akibat lebuhraya satu lorong daripada Tiram ke Desaru.

86. PR-1531-L23273

Dato' Seri Amirudin bin Shari [Gombak] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan lima bidang dan industri keutamaan yang telah dikenal pasti sebagai fokus Kerajaan dalam aspek penyelidikan. Apakah hasrat utama yang telah digariskan untuk dicapai melalui penyelidikan-penyelidikan ini .

87. PR-1531-L23376

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apa penyelesaian tuntas untuk mengembalikan semula keyakinan pemain industri dan pelabur tempatan serta asing, susulan nilai dagangan Malaysia yang menjunam teruk tahun lalu yang menyaksikan kemerosotan 10 bulan berturut-turut sejak Mac 2023.

88. PR-1531-L22979

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh mana GLC dan GLIC memainkan peranan utama dalam industri baharu dalam negara seperti aero angkasa, EV, pusat pangkalan data dan penjanaan tenaga boleh baru.

89. PR-1531-L23296

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengapa peruntukan yang lebih untuk penyelenggaraan jalan, perparitan dan lampu-lampu jalan tidak diberikan kepada Kementerian Kerja Raya yang menyebabkan keadaan jalan raya, perparitan dan lampu-lampu jalan di bawah jagaan Kementerian Kerja Raya di banyak kawasan dalam keadaan yang teruk kerana tiada peruntukan yang mencukupi.

90. PR-1531-L23909

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah cadangan pihak Kementerian agar program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) diperluaskan kepada gerakan koperasi bagi menarik penyertaan belia dan golongan berpendapatan rendah menjana pendapatan telah dilaksanakan dan apakah impaknya setakat ini.

91. PR-1531-L23236

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan senarai nama dan nilai projek-projek inisiatif Belt and Road yang telah, sedang, dan yang akan dilaksanakan di Malaysia.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Kewangan**

- * Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2023) 2024.

2. **Menteri Kewangan**

- * Rang Undang-Undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2024.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]** akan mencadangkan :

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Kelima Belas.""

Menyambung semula perbahasan atas masalah (13 Mac 2024)

- | | | | |
|----|-----------------|--|-------------------------------|
| 2. | (D.R 41/2023) | Rang Undang-Undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 3. | (D.R 39/2023) | Rang Undang-Undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2023 | " |
| | | [Menteri Pendidikan Tinggi] | |
| 4. | (D.R 35/2023) | Rang Undang-Undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 | " |
| | | [Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam] | |
| 5. | (D.R 37/2023) | Rang Undang-Undang Lembaga Lebuh Raya Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2023 | " |
| | | [Menteri Kerja Raya] | |
| 6. | (D.R 38/2023) | Rang Undang-Undang Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Pindaan) 2023 | " |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 7. | (D.R 2/2024) | Rang Undang-Undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 | " |
| | | [Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam] | |

8. (D.R 1/2024) Rang Undang-Undang Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

9. (D.R 3/2024) Rang Undang-Undang Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2024 "

[Menteri Kewangan]

10. PR-1531-U(27)308

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan pengecualian kenaikan cukai perkhidmatan sebanyak dua peratus dari enam ke lapan peratus terhadap bil elektrik dan air yang dijadualkan bermula Mac 2024.

Kadar kenaikan ini pastinya akan menambah beban bulanan isi rumah terutama golongan B40 serta M40 dan perniagaan termasuklah sektor pembuatan dan perkhidmatan. Justeru, memandangkan situasi ekonomi negara yang masih belum pulih sepenuhnya dan ditambah lambakan cukai baharu yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2024, Kerajaan seharusnya mengekalkan kadar cukai perkhidmatan sedia ada untuk bil elektrik seperti yang diberikan kepada sektor makanan dan minuman, tempat letak kereta dan telekomunikasi."

[Menteri Kewangan]

11. PR-1531-U(27)309

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhannya perlu dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebankan rakyat sehingga hari ini."

[Menteri Kewangan]

12. PR-1531-U(27)310

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk membuat penetapan dengan lebih adil bagi pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) terhadap cabang perubatan dengan tidak membebankan pesakit yang menjalani rawatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K / TCM).

Sektor TCM, merangkumi ubat-ubatan tradisional Cina dan Melayu serta perubatan ayurveda adalah cabang sistem penjagaan kesihatan dan adalah tidak wajar dikenakan SST sama seperti perubatan moden atau barat.

Malah, menurut seksyen 37, Garis Panduan Perkhidmatan Profesional bertarikh 21 September 2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) jelas memberi pengecualian SST kepada perkhidmatan perubatan dan pembedahan kepada manusia dan haiwan yang ditawarkan oleh pengamal perubatan di klinik swasta, klinik pakar termasuk khidmat runding oleh pengamal perubatan.

Maka, kerajaan digesa untuk konsisten dan kekal memberi pengecualian bagi perkhidmatan TCM ini daripada dikenakan cukai SST sama seperti pengecualian SST ke atas perkhidmatan perubatan moden."

[Menteri Kewangan]

13. PR-1531-U(27)311

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini mencadangkan tahun 2024 adalah merupakan ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik antara Malaysia dan Republik Rakyat China, berikutan pemeteraian Kenyataan Bersama (*Joint Communique*) antara Perdana Menteri Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri Chou En-Lai pada 31 Mei 1974.

China adalah rakan dagangan terbesar Malaysia sejak 2009 dan angka ini saban tahun meningkat, dan China akan menjadi kuasa ekonomi terbesar dunia menjelang tahun 2030 mengatasi Amerika Syarikat.

Maka, diusulkan Kerajaan untuk mengadakan sambutan besar-besaran sempena meraikan ulang tahun hubungan diplomatik yang penuh bersejarah ini bagi merapatkan keakraban antara Malaysia dan China yang secara tidak langsung dapat memberi nilai tambah kepada pertumbuhan ekonomi negara menerusi pelbagai bidang kerjasama termasuklah perdagangan dan pelaburan. "

[Menteri Luar Negeri]

14. PR-1531-U(27)312

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk mewujudkan dasar buruh asing yang jelas dan polisi yang lengkap dalam memastikan kehadiran buruh asing tidak akan membelenggu ekonomi Malaysia kerana mereka telah pun mendominasi beberapa industri dalam negara bukan lagi sebagai pekerja tetapi sebagai pengusaha.

Kehadiran pekerja migran diakui dapat membantu negara mengatasi masalah kekurangan pekerja dan membantu mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Namun, kemasukan buruh asing yang ketara bermula sejak akhir 1980-an didukung oleh dasar perindustrian yang pesat sebaliknya memberi impak negatif pada hari ini. Pada tempoh awal kemasukan mereka di Malaysia, mereka hanya terlibat sebagai buruh kasar di sektor formal. Usai peredaran masa, berlaku anjakan pekerjaan pekerja migran untuk menyesuaikan keadaan ekonomi terutamanya semasa krisis ekonomi 1997 dan 2008.

Lebih merunsingkan, pertumbuhan penduduk warga asing kini telah pun melangkaui lebih dari 2 generasi. Adalah dijangka fenomena anjakan pekerja kepada pengusaha asing dalam sektor formal dan tidak formal ini akan menyebabkan usaha kerajaan untuk mengurangkan perbezaan jurang pendapatan menjadi semakin sulit."

[Menteri Sumber Manusia]

15. PR-1531-U(27)313

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk menubuhkan satu Institut Hak Asasi, Penyelidikan dan Pembangunan Orang Asli. Malaysia sebagai salah satu ahli Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) pada dasarnya telah bersetuju pada 13 September 2007 berkaitan dengan *Declaration on the Rights of Indigenous People* dengan resolusi untuk menubuhkan *National Institution on The Rights of Indigenous People*. Namun sehingga hari ini, kita masih belum menubuhkan sebarang institut yang mengangkat martabat orang asli.

Adalah dicadangkan Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai peneraju selaras peranan mereka dalam memajukan bumiputera sekaligus mengiktiraf orang asli sebagai kaum bumiputera di Malaysia malahan capaian lokaliti UiTM dilihat mempunyai kelebihan lantaran kewujudan kampus di serata Malaysia.

Penubuhan Institut Orang Asli ini bukanlah untuk mengambil alih peranan Majlis Penasihat Kebangsaan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA) sebagai penasihat kerajaan, atau Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA). Sebaliknya, Institut ini boleh menjadi gandingan yang mempunyai autoriti dan kefahaman menyeluruh dalam memberikan pandangan yang berwibawa serta mempunyai merit bagi melaksanakan perancangan yang melibatkan Orang Asli.

Sudah tiba masanya Orang Asli perlu di beri peluang sepenuhnya, secara terus dan aktif, mengurus dan mentadbir serta mengemudi institusi, budaya dan cara hidup yang berkait secara langsung dengan arus pembangunan negara.”

[Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah]

16. PR-1531-U(27)314

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mewujudkan dasar dan polisi Pembangunan Tempatan Diterajui Komuniti atau *Community Led Local Development* yang mewajibkan syarikat-syarikat yang memperolehi projek mega berjumlah RM500 juta ke atas untuk menyediakan satu dana khas secara tanggungjawab sosial korporat atau CSR bagi program pembangunan bakat tempatan dan setempat yang bersifat holistik yang akan menyokong perkembangan ekonomi setempat.

Dasar ini menyokong tindakan pembangunan tempatan, bertujuan untuk menggerakkan dan melibatkan masyarakat tempatan dengan membina potensi khusus setiap lokaliti dan menyokong bakat tempatan terutama golongan bumiputera. Kehadiran projek mega ke sesuatu tempat terutama kawasan luar bandar sewajarnya memberi manfaat berterusan sebelum, semasa dan selepas pembinaan kepada penduduk setempat. Dengan mewujudkan syarikat dari dana CSR projek mega ini mampu membangun bakat setempat di samping manfaat ekonomi berterusan kepada mereka.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau *spill over* impak projek pembangunan mega dapat dirasakan dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat.”

[Menteri Kewangan]

17. PR-1531-U(27)315

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengambil tindakan drastik untuk melepaskan negara dari himpitan Kos Sara Hidup. Pada 25 Januari kenyataan akhbar telah membicarakan Harga Ayam yang dijangka naik disebabkan tarif air naik dan baru-baru ini diumumkan insurans kereta akan meningkat bermula 1 Mac akibat kenaikan 8% cukai perkhidmatan yang turut melibatkan insurans dan lain-lain.

Sumbangan STR mungkin dapat meringankan sedikit beban perbelanjaan kepada penerima tetapi peningkatan harga menimbulkan cabaran kepada isi rumah dengan tahap kesusahan berbeza mengikut kumpulan pendapatan dan menyebabkan kesan lebih ketara seterusnya menjadikan kumpulan berkenaan lebih mudah terdedah kepada tekanan kos sara hidup. Oleh hal yang demikian, adalah diharapkan Kementerian segera dapat mengambil tindakan sewajarnya untuk mententeramkan kegusaran rakyat yang berhadapan bebanan ekonomi. "

[Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]

18. PR-1531-U(27)316

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan segera membina Pangkalan di Beting Patinggi Ali. Sehingga kini tiada langkah tegas yang diambil pihak Kerajaan untuk menghalang pencerobohan kapal China di Beting Patinggi Ali yang terletak dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia. Adalah diharapkan pihak Kerajaan dapat merancang dan melaksanakan mekanisme yang lebih efektif untuk menangani masalah ini setelah nota diplomatik yang dihantar pihak Malaysia seperti tidak dihiraukan bagi memastikan Beting Patinggi Ali menjadi hak Malaysia."

[Menteri Pertahanan]

19. PR-1531-U(27)317

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan tembok kekal di sempadan Malaysia-Thailand bagi mengekang kegiatan penyeludupan dan jenayah rentas sempadan di negara ini. Pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand perlu agar dapat merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand adalah sangat diperlukan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara. "

[Menteri Dalam Negeri]

20. PR-1531-U(27)318

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media. Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan.

Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiarkan berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan. Oleh hal demikian, Kementerian digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu. "

[Menteri Komunikasi]

21. PR-1531-U(27)319

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera menyelesaikan masalah pekerja e-hailing dan p-hailing. Akta khusus perlu diwujudkan segera oleh pihak Kerajaan berkaitan ekonomi gig agar isu-isu yang berkaitan ini tidak berlarutan kerana hanya pihak Kerajaan yang boleh merangka dan mengeluarkan polisi atau garis panduan meliputi keseluruhan ekosistem ekonomi gig p-hailing. Kerajaan digesa untuk campur tangan di dalam isu pengurangan upah penunggang p-hailing dan mengambil tindakan sewajarnya untuk membela nasib kumpulan pekerja ekonomi gig ini."

[Menteri Pengangkutan]

22. PR-1531-U(27)320

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Susulan pembangunan Nusantara, ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan Timur dan dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjong Datu.

Oleh hal yang demikian, tindakan segera kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

23. PR-1531-U(27)321

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan agar memperluaskan Program Kemudahan Sokongan Akaun 2 (FSA2) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada pencarum berusia bawah 40 tahun ke bawah. Inisiatif FSA2 dilihat sebagai alternatif segera yang dapat membantu rakyat yang terkesan dalam menangani isu kos sara hidup dan kenaikan harga barangan pada masa ini."

[Menteri Kewangan]

24. PR-1531-U(27)322

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan meletakkan sebuah garis panduan untuk sekolah-sekolah bagi pengurusan dana, perbelanjaan, dan juga aktiviti kutipan wang daripada pelajar, ibu-bapa, dan orang ramai. Selain itu, sebuah badan pemantau perlu diwujudkan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi.

Ini kerana, kini sudah menjadi sebuah kelaziman untuk pihak- pihak sekolah menganjurkan program-program dan majlis-majlis yang memakan belanja besar, yang menggunakan duit daripada poket pelajar. Sebahagian daripada majlis ini mewajibkan kehadiran, dan sebahagian lainnya adalah secara sukarela. Tetapi harus kita faham, kewujudan jurang ekonomi akan membuatkan wujudnya golongan pelajar yang rasa keciciran sosial disebabkan faktor kewangan keluarga. Ia juga membuat mereka berasa tertekan serta memberi tekanan kepada ibu-bapa, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi kini.

Bukan sahaja untuk majlis, malah sering juga pihak sekolah membuat kutipan wajib bagi pembaharuan infrastruktur, dan kutipan ini kadangkala boleh mencecah ratusan ringgit. Isu ini merupakan sebuah isu yang kurang mendapat perhatian tetapi penting untuk dibawa ke hadapan kerana ia melibatkan sosioekonomi keluarga B40 & M40 serta kesejahteraan perkembangan minda dan emosi para pelajar yang bakal menjadi teraju negara ini di masa hadapan.

Selain itu, dibimbangi jika tiada pemantauan dilakukan, perkara ini akan membuka ruang untuk pihak tertentu mengambil kesempatan."

[Menteri Pendidikan]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
CMD. 3	Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2023	14 Mac 2024
CMD. 3A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama Tahun 2023 Bagi Kerajaan Malaysia	14 Mac 2024
CMD. 4	Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2023	14 Mac 2024
CMD. 4A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2023 Bagi Kerajaan Malaysia	14 Mac 2024
CMD. 5	Penyata Keluaran Wang Daripada Kumpulan Wang Luar Jangka Bagi Tempoh 1 Januari 2023 Hingga 31 Disember 2023 Menurut Peraturan 68 Di Bawah Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat	14 Mac 2024
CMD. 6	Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2024	14 Mac 2024
CMD. 6A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2024 Bagi Kerajaan Malaysia	14 Mac 2024
CMD. 7	Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2024	14 Mac 2024
CMD. 7A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2024 Bagi Kerajaan Malaysia	14 Mac 2024
ST. 35	Penyata Keluaran Wang Daripada Simpanan Luar Jangka Bagi Tempoh 1 Januari 2023 Hingga 31 Disember 2023 Menurut Peraturan Subseksyen 6(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966	14 Mac 2024

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
14.03.2024 (Khamis)	1. YB Tuan Tan Kar Hing (Gopeng)	1. Pembinaan Klinik Kesihatan Bandar Seri Botani 2. Perancangan Pembangunan Lebuhraya West Ipoh Span Expressway (WISE)	1. YB Menteri Kesihatan 2. YB Menteri Kerja Raya
	2. YB Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan (Merbok)	3. Naik Taraf Jalan dan Jambatan di FT270 Sungai Layar – Semeling, Kuala Muda 4. Projek Pengawalan Hakisan Pantai dari Kampung Sungai Pial hingga ke Kampung Tanjung Dawai	3. YB Menteri Kerja Raya 4. YB Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**